



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PROJEK**  
**KOD KURSUS : DSB 3173**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2023**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan


---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*


---



**BAHAGIAN A**


Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.  
Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

1. Lengkapkan carta di bawah.



(6 markah)

2. Lengkapkan dua (2) kemahiran asas yang perlu ada pada seorang pengurus.



(2 markah)

3. Kelaskan ciri-ciri berikut mengikut kesesuaian jenis tender:

- Digunakan untuk projek kerajaan.
- Membuka peluang kepada semua.
- Hanya kontraktor bumiputra yang memenuhi syarat yang tertentu sahaja boleh menyertai tawaran.
- Tawaran yang hanya terhad kepada kontraktor yang tertentu sahaja, biasanya dikhaskan kepada kontraktor bumiputra sahaja.
- Masa memproses dokumen tawaran dapat dikurangkan.
- Kurang sesuai untuk projek yang perlu disiapkan segera
- Membazirkan masa dan wang untuk menyediakan dokumen tender.
- Kontraktor berkemungkinan mengurangkan kualiti kerja.
- Harga yang ditawarkan menjadi tinggi disebabkan kurangnya persaingan.
- Dapat melaksanakan kehendak kerajaan bagi menggalakkan 30% bumiputra menceburi bidang pembinaan.
- Memberi peluang kepada kontraktor bumiputra untuk menceburkan diri dalam industri binaan tanpa persaingan dari kontraktor bukan bumiputra.
- Tiada pakatan harga.

TENDER TERBUKA	TENDER TERHAD
a)	a)
b)	b)
c)	c)
d)	d)
e)	e)
f)	f)

(12 markah)

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

1. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah yang dimaksudkan dengan **dua(2)** dokumen berikut:
  - a) buku harian kerja tapak
  - b) laporan kemajuan kerja.

(4 markah)
  
2. Jelaskan **enam (6)** kegunaan spesifikasi teknikal di dalam butiran dokumen kontrak.

(6 markah)
  
3. Kirakan bon pelaksanaan yang dikenakan terhadap kontrak berikut:
  - a) Kontrak bekalan bernilai RM 999,000 untuk tempoh 3 tahun.
  - b) Kontrak kerja bernilai RM 300,000.

(4 markah)
  
4. Nyatakan **empat (4)** objektif pembentukan sebuah organisasi.

(4 markah)
  
5. Senaraikan **tiga (3)** impak organisasi yang berkesan dalam sesebuah syarikat.

(3 markah)
  
6. Syarikat Pembinaan Madani akan memulakan beberapa buah projek berskala besar pada pertengahan tahun 2023.
  - (i) Cadangkan jenis struktur organisasi yang paling sesuai untuk syarikat kontraktor tersebut di mana kuasa pengurusan sepenuhnya menjadi tanggungjawab Pengurus Projek.

(2 markah)
  
  - (ii) Lakarkan bentuk struktur organisasi yang anda cadangkan di 6(i).

(4 markah)

7. Terangkan perbezaan di antara *Outbound Training* dengan *Off Job Training* sebagai teknik latihan dalam kerja.  
(4 markah)
8. Jelaskan **tiga (3)** kepentingan imbuhan prestasi terhadap pekerja.  
(3 markah)
9. Nyatakan **dua(2)** tujuan Analisis Keperluan Latihan dibuat dalam sesebuah syarikat.  
(2 markah)
10. Syarikat anda akan memulakan proses penilaian prestasi pekerja bagi tahun 2023 pada awal tahun hadapan. Sebagai seorang pengurus syarikat, bincangkan **dua (2)** peranan anda sebagai persediaan menjalankan penilaian tersebut dengan lancar, adil dan telus.  
(4 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

KOD	AKTIVITI	TEMPOH MASA (minggu)	IPA, Sebaik Sebelum Aktiviti ( <i>Immediately Preceding Activity</i> )
A	Pengorekan lubang asas	3	-
B	Pembinaan asas	4	A
C	Pembinaan kerangka	5	A
D	Lantai dan dinding	3	B,C
E	Bumbung	4	D
F	Kerja luar	5	E

**Jadual 1 : Urutan Aktiviti Pembinaan Dan Tempoh**

- a) Berpandukan **Jadual 1** di atas, binakan Carta Gantt yang sesuai untuk pemantauan proses kerja pembinaan.  
(6 markah)
- b) Berdasarkan **Jadual 1** di atas, lakarkan Rajah Jaringan yang menunjukkan Kaedah Laluan Kritikal /CPM (*Critical Path Method*).  
(7 markah)
- c) Berdasarkan rajah jaringan di atas, kirakan tempoh apungan (*total float*) dan apungan bebas (*free float*) bagi setiap aktiviti.  
(3 markah)
- d) Terangkan perbezaan di antara tempoh apungan (*total float*) dengan apungan bebas (*free float*).  
(4 markah)

**SOALAN 2**

Syarikat Bina Jati mendapat kontrak untuk membina 12 buah gazebo bagi satu taman rekreasi. Tempoh penyiapan pembinaan kesemua gazebo tersebut adalah 4 bulan. Kos pembinaan bagi setiap gazebo adalah RM 5000 per unit. Walaubagaimanapun, sehingga akhir bulan ketiga, Syarikat Bina Jati hanya berjaya membina 7 buah gazebo sahaja dan telah membelanjakan sebanyak RM 40,000.

- a) Binakan lengkok S/ *S-Curve* bagi kerja pembinaan gazebo oleh Syarikat Bina Jati yang terdiri dari lengkok *BCWS*, *BCWP* dan *ACWP*.  
(8 markah)
- b) Berdasarkan lengkok S yang telah dibina, bezakan maksud:
- i) Kos bajet mengikut jadual (*BCWS*)  
(2 markah)
  - ii) Kos bajet mengikut prestasi kerja (*BCWP*)  
(2 markah)
  - iii) Kos sebenar mengikut prestasi kerja (*ACWP*)  
(2 markah)
- c) Hitungkan *Varian Jadual/ Schedule Variance (SV)* dan *Varian Kos/ Cost Variance (CV)* bagi kerja yang telah dilakukan oleh Syarikat Bina Jati.  
(6 markah)

**[40 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**



